

**GARIS PANDUAN PENDAFTARAN
SEBAGAI PENANAM SPESIES
TERJADUAL (KARAS/GAHARU)
(PINDAAN TAHUN 2023)**

**DI BAWAH AKTA 686
PERDAGANGAN ANTARABANGSA
MENGENAI SPESIES TERANCAM**



**LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA
(KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI)**

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENDAFTARAN BARU DAN PEMBAHARUAN PENDAFTARAN

| | |
|---|----|
| Pendahuluan | 3 |
| Tafsiran | 3 |
| Syarat-Syarat Pendaftaran Baru | 4 |
| Syarat-Syarat Pembaharuan Pendaftaran | 6 |
| Fi Pendaftaran | 7 |
| Sah Laku Pendaftaran | 7 |
| Tanggungjawab Pihak Yang Berdaftar | 7 |
| Kesalahan Tidak Berdaftar | 8 |
| Penutup | 8 |
| Lampiran I | 9 |
| - Carta Aliran Proses Pendaftaran Baru | |
| Lampiran II | 10 |
| - Carta Aliran Proses Pembaharuan Pendaftaran | |

GARIS PANDUAN
PENDAFTARAN SEBAGAI PENANAM SPESIES TERJADUAL (KARAS/GAHARU)
DI BAWAH AKTA 686
(PINDAAN TAHUN 2022)

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Perenggan 16(1)(c), Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 [Akta 686] telah menggariskan keperluan pendaftaran untuk tumbuhan dibiakkan secara buatan daripada mana-mana spesies terjadual bagi maksud perdagangan komersial. Suatu permohonan bagi pendaftaran untuk menghasilkan tumbuhan dibiakkan secara buatan daripada mana-mana spesies terjadual bagi maksud perdagangan komersial hendaklah dibuat kepada Pihak Berkuasa Pengurusan.
- 1.2 Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) dipertanggungjawabkan sebagai Pihak Berkuasa Pengurusan (*Management Authority*) bagi Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan.
- 1.3 Di bawah subseksyen 16(3) Akta 686, Pihak Berkuasa Pengurusan (MTIB) boleh mengenakan apa-apa syarat yang difikirkannya patut.
- 1.4 Garis Panduan ini disediakan sebagai panduan kepada pihak yang terlibat dalam urusan aktiviti menghasilkan tumbuhan dibiakkan secara buatan spesies terjadual.

2. TAFSIRAN

- 2.1 **“Pokok”** adalah daripada Spesies *Aquilaria* spp. dan tergolong dalam keluarga Thymelaeaceae.
- 2.2 **“Anak Pokok”** adalah pokok Karas dengan ketinggian saiz 3-4 kaki ke bawah dibiak dalam beg poli di dalam tapak semaian.
- 2.3 **“Biji Benih”** adalah yang terhasil dari pokok Karas/*Aquilaria*.
- 2.4 **“Pengusahasilan”** ertinya menebang, mengambil, memungut, menoreh, mengalih atau memproses apa-apa hasil hutan bagi maksud ladang hutan.

- 2.5 **“Pengusahasilan Gaharu/ Pati Minyak Gaharu secara inokulasi ke atas pokok Karas yang Tanah/ Pokok Bukan Milik Pemohon”** adalah syarikat/individu yang membuat perjanjian bersama pemilik Tanah dan/atau Pemilik Pokok Karas untuk menjalankan aktiviti mengusahasil produk Gaharu/ Minyak Gaharu secara inokulasi ke atas pokok Karas yang bukan miliknya.
- 2.6 **“Pengkomersialan”** ertinya proses memperkenalkan produk melalui perdagangan di pasaran dalam negeri dan antarabangsa.
- 2.7 Garis Panduan ini memberi penjelasan berkenaan keperluan pendaftaran bagi aktiviti seperti berikut:-
- i. Tapak Semaian;
 - ii. Penanam pokok Karas;
 - iii. Pengusahasilan Kayu Gaharu/ Minyak Gaharu; dan
 - iv. Pengusahasilan Kayu Gaharu/ Pati Minyak Gaharu secara inokulasi ke atas pokok Karas bukan milik pemohon.

3.0 SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN BAHARU

- 3.1 Mana-mana syarikat/pertubuhan/Individu hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:-
- i. Warganegara Malaysia;
 - ii. Berumur 18 tahun ke atas;
 - iii. Tidak muflis dan disenarai hitamkan di bawah mana-mana Akta yang terdapat di Malaysia; dan
 - iv. Tidak didakwa/melanggar/melakukan kesalahan mana-mana peruntukan yang dibuat oleh atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berkuatkuasa.
- 3.2 Syarikat/Pertubuhan/Individu yang menjalankan aktiviti berikut tanpa mengira luas kawasan tanaman dan bilangan dirian pokok adalah digalakkan berdaftar dengan MTIB. Namun bagi tujuan komersial iaitu keperluan mendapatkan permit eksport adalah wajib berdaftar dengan MTIB:-
- i. Menanam dan/atau mengusahasilkan pokok Karas; atau
 - ii. Pengusahasilan Kayu Gaharu/ Pati Minyak Gaharu ke atas pokok Karas yang tanah/ pokok bukan milik pemohon.

- iii. Syarikat Milik Asing mestilah mempunyai ekuiti warganegara Malaysia sekurang-kurangnya 51% manakala baki 49% adalah bukan warganegara atau modal berbayar sekurang-kurangnya RM250,000.00. (Syarikat tiada kilang)
 - iv. Sebelum MTIB meluluskan permohonan pendaftaran baharu, satu pasukan petugas teknikal akan menjalankan auditan bagi membuat pengesahan.
- 3.3 Permohonan pendaftaran baharu bagi aktiviti Penanam dan Pengusahasil hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen seperti berikut:-
- i. Borang permohonan yang telah lengkap diisi (Borang E).
 - ii. Salinan Kad Pengenalan; (Individu)
atau
Salinan Perakuan Pendaftaran Perniagaan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (Pindaan 2001 atau Salinan Borang 9, Borang 24, dan Borang 49 di bawah Akta Syarikat 1965) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). (Syarikat)
 - iii. Salinan hak milik tanah/ dokumen perjanjian sewaan atau pajakan/ *Land Application* (LA) yang disahkan dari salinan asal oleh Pejabat Tanah atau Perjanjian Kerjasama Antara pemohon dan pemilik tanah dan pemilik pokok. (Individu dan Syarikat/Pertubuhan)
[Dokumen perlu tertera nama pemohon dan disahkan oleh pihak yang diberi kuasa dan berkepentingan]
 - iv. Salinan Lesen Kilang daripada Jabatan Perhutanan Negeri dan/atau Agensi-agensi kerajaan yang berkaitan yang masih sah. (Jika berkaitan) (Syarikat/Pertubuhan).
 - v. Salinan dokumen sumber bekalan anak pokok atau anak benih. Contoh: resit atau inbois pembelian (Jika ada) (Individu/Syarikat/Pertubuhan).
 - vi. Proses pendaftaran baharu adalah seperti di **Lampiran I**.
- 3.4 Pemohon yang ingin memohon bagi penambahan kawasan atau dirian pokok, hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen seperti berikut:-
- i. Borang permohonan yang telah lengkap diisi (Borang E1).

- ii. Salinan hak milik tanah/ dokumen perjanjian sewaan atau pajakan/ *Land Application* (LA) yang disahkan dari salinan asal. (Individu dan Syarikat)
[*Dokumen perlu tertera nama pemohon dan disahkan oleh pihak yang diberi kuasa dan berkepentingan*];
 - iii. Salinan dokumen sumber bekalan anak pokok atau anak benih. Contoh: resit atau inbois pembelian (Jika ada) (Individu/Syarikat).
- 3.5 Pemohon Pengusahahasilan produk Gaharu/ Pati Minyak Gaharu ke atas pokok Karas yang tanah/ pokok bukan milik pemohon hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen seperti berikut:-

- i. Borang permohonan yang telah lengkap diisi (Borang E1);
- ii. Salinan Perakuan Pendaftaran Perniagaan/ Salinan Borang 9, Borang 24 dan Borang 49 (Syarikat);
- iii. Salinan hak milik tanah/ dokumen perjanjian sewaan atau pajakan (jika berkaitan) atau Perjanjian Kerjasama Antara pemohon dan pemilik tanah dan pemilik pokok;
- iv. Salinan Lesen Kilang daripada Jabatan Hutan Negeri dan/atau agensi-agensi kerajaan yang berkaitan yang masih sah. (Jika berkaitan)
- v. Salinan surat kelulusan pendaftaran daripada pemilik pokok sebagai penanam pokok karas yang dikeluarkan oleh MTIB.
- vi. Salinan surat kelulusan pembatalan pendaftaran daripada pemilik pokok sebagai penanam pokok karas yang dikeluarkan oleh MTIB. (Sekiranya kesemua pokok telah ditebang).
- vii. Salinan dokumen sumber bekalan anak pokok atau anak benih. Contoh: resit atau inbois pembelian (Jika pokok dibeli dari penanam) (Individu/Syarikat).

4.0 SYARAT-SYARAT PEMBAHARUAN PENDAFTARAN

- 4.1 Permohonan pembaharuan pendaftaran hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen seperti berikut:-
- i. Sijil asal pendaftaran;
 - ii. Borang permohonan yang telah lengkap diisi (Borang F); dan

- iii. Salinan borang 24 dan 49 atau surat pengesahan menyatakan tiada sebarang perubahan dalam borang 24 dan 49 (syarikat).
- 4.2 Permohonan pembaharuan hendaklah dibuat sebelum tarikh tamat pendaftaran iaitu sekurang-kurangnya 60 hari sebelum tarikh tamat pendaftaran.
- 4.3 Sah laku pembaharuan pendaftaran adalah maksimum lima (5) tahun tertakluk kepada perubahan jumlah pokok dan/atau luas kawasan tanaman.
- 4.4 Proses pembaharuan pendaftaran adalah seperti di **Lampiran II**.

5.0 FI PENDAFTARAN

5.1 Fi pendaftaran yang dikenakan kepada pemohon adalah seperti berikut:-

- Pendaftaran baharu - RM200 setahun.
- Pembaharuan pendaftaran - RM100 setahun.

Dikecualikan bagi jumlah dirian pokok bersamaan dengan atau kurang daripada 2,000 batang pokok atau dengan luas kawasan tanaman bersamaan dengan atau kurang daripada 2 hektar.

6.0 SAH LAKU PENDAFTARAN

- 6.1 Pendaftaran baharu adalah sah bagi tempoh satu (1) tahun.
- 6.2 Pendaftaran terbatal sekiranya individu yang berdaftar telah meninggal dunia.
- 6.3 Pendaftaran akan terbatal sekiranya penubuhan syarikat telah dibatalkan oleh pihak berkuasa bertanggung jawab.
- 6.4 Pendaftaran akan terbatal serta merta sekiranya Pejabat Tanah tidak meluluskan pengeluaran geran tanah berstatus *Land Application* (LA) kepada pemohon.

7.0 TANGGUNGJAWAB PIHAK YANG BERDAFTAR

- 7.1 Sesiapa yang telah berdaftar dengan MTIB, bertanggungjawab memaklumkan;

- i. Penambahan kawasan tanaman.
- ii. Penambahan/Pengurangan bilangan dan dirian pokok.
- iii. Pengusahaan gaharu.
- iv. Pengusahaan minyak gaharu.
- v. Pengusahaan semua bahagian tumbuhan Karas.
- vi. Tidak lagi menjalankan mana-mana aktiviti seperti di atas.

8.0 KESALAHAN TIDAK BERDAFTAR

8.1 Menurut subseksyen 16(4), Akta 686, mana-mana orang yang tidak mematuhi atau melanggar mana-mana syarat yang dikenakan di bawah subseksyen 16(3), Akta 686 melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan:-

8.1.1 Jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya;

8.1.2 Jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi empat ratus ribu ringgit.


9.0 PENUTUP

9.1 Borang yang telah lengkap diisi berserta salinan dokumen yang berkaitan dan sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut mengenai Garis Panduan ini, boleh dimajukan kepada alamat, e-mel atau nombor telefon berikut:-

Ketua Pengarah
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)
Tingkat 13-17, Menara PGRM
No. 8, Jalan Pudu Ulu, Cheras
56100 Kuala Lumpur
(u.p. : Seksyen Pendaftaran, Bahagian Pelesenan & Inspektorat)
No Tel :03-92822235
Emel: info@mtib.gov.my

9.2 MTIB berhak meminda Garis Panduan ini dari semasa ke semasa. Garis Panduan dan borang-borang yang berkaitan, boleh dimuat turun melalui laman sesawang MTIB, www.mtib.gov.my.

**CARTA ALIRAN
PROSES PENDAFTARAN BAHARU**



CARTA ALIRAN PROSES PEMBAHARUAN PENDAFTARAN

